

Kursus Kepimpinan

PEGAWAI HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI IPTA MALAYSIA

Oleh: Azilawati Suanda

Kursus anjuran Majlis Kepimpinan dan Latihan Universiti-universiti Malaysia (MAKLUM) telah berlangsung selama 4 hari bermula 14 hingga 17 November bertempat di ODEC-Universiti Malaysia Sabah. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menghantar 3 orang pegawai untuk menyertai kursus ini, iaitu Cik Azilawati Suanda (Unit Rakan Pendamping Siswa), En. Mohammad Irhamuddin Mansor (Unit Pinjaman & Kebajikan) dan En. Amir Ahmad (Penolong Pengurus Asrama). Kursus ini adalah bertujuan sebagai persiapan untuk mendidik dan mencurahkan ilmu kepada mahasiswa IPTA dimana setiap kakitangan yang bertugas di Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) perlulah bersedia dari segi fizikal dan mental untuk berhadapan dengan karenah dan kehendak mahasiswa yang semakin mencabar pada masa kini.

Kursus ini melibatkan beberapa aktiviti seperti 'ice-breaking', latihan dalam kumpulan dan beberapa latihan fizikal yang melibatkan ketahanan fizikal setiap peserta di samping latihan untuk bekerja dalam sebuah kumpulan. Antara latihan-latihan fizikal yang mesti dilalui oleh setiap peserta adalah 'high rope', 'flying fox', 'jungle tracking' dan 'paint ball'. Latihan-latihan ini telah dikendalikan oleh jurulatih-jurulatih yang berpengalaman dan mempunyai sijil khusus untuk mengendali latihan berbentuk 'outdoor' ini.

Semangat kerja berpasukan akan dapat dibentuk dengan menyertai kursus-kursus seperti ini. Kerjasama yang padu amat diperlukan dalam sesebuah organisasi untuk mencapai sesuatu objektif.

